

Rujukan Kami : UTM.J.17.03.04.01/10.12/22 Jld. 2 (3)
Tarikh : 16 Julai 2026

NOTIS KEPADA PELAJAR BIL. 10/2026
URUSAN PEMBATALAN PENGINAPAN DAN PENGAMBILAN KUNCI SESI 2026/2027

Semua Pelajar Kanan
Program Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah
Universiti Teknologi Malaysia
Johor Bahru

Dimaklumkan bahawa Semester 1 Sesi 2026/2027 akan bermula pada 12 Oktober 2026. Sehubungan dengan itu, pelajar diminta mengambil maklum mengenai urusan pembatalan penempatan, pengambilan kunci dan pembukaan stor di Kolej Kediaman seperti berikut:

1.0 PEMBATALAN PENEMPATAN KOLEJ KEDIAMAN

- 1.1 Pelajar yang berjaya mendapat penempatan Kolej Kediaman bagi Sesi 2026/2027 tetapi ingin membatalkan penginapan hendaklah mematuhi ketetapan berikut:
 - 1.1.1 Pembatalan hendaklah dimaklumkan selewat-lewatnya pada 31 Julai 2026 dengan mengisi Google Form di <https://tinyurl.com/collegecancellation> . Tiada caj perkhidmatan atau caj kolej kediaman akan dikenakan.
 - 1.1.2 Pembatalan yang dibuat mulai **1 Ogos hingga 11 Oktober 2026** akan dikenakan caj perkhidmatan RM50.00, manakala caj kolej kediaman tidak dikenakan.
 - 1.1.3 Pembatalan yang dibuat mulai **12 Oktober hingga 29 Oktober 2026** akan dikenakan tindakan seperti berikut:
 - 1.1.3.1 Caj kolej kediaman mengikut kadar caj harian, dikira bermula dari **12 Oktober 2026** sehingga tarikh pembatalan dimaklumkan;
 - 1.1.3.2 Caj perkhidmatan **RM50.00**; dan
 - 1.1.3.3 Penempatan kolej akan dibatalkan.
 - 1.1.4 Pelajar yang tidak memaklumkan pembatalan dan tidak mendaftar masuk ke kolej kediaman sehingga **29 Oktober 2026** dianggap menolak tawaran penempatan dan akan dikenakan tindakan seperti berikut:
 - 1.1.4.1 Caj kolej kediaman bermula **12 Oktober 2026 hingga 29 Oktober 2026** akan dikenakan;
 - 1.1.4.2 Caj perkhidmatan **RM50.00**; dan
 - 1.1.4.3 Penempatan kolej akan dibatalkan.

2.0 PENGAMBILAN KUNCI

2.1 Tarikh dan waktu pengambilan kunci adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa
10 Oktober 2026 (Sabtu)	8.30 pagi – 1.00 tengahari 2.00 petang – 5.00 petang
11 Oktober 2026 (Ahad)	8.30 pagi – 1.00 tengahari 2.00 petang – 5.00 petang

2.2 Pembukaan stor di kolej kediaman juga akan bermula pada 10 Oktober 2026 mengikut waktu operasi kolej kediaman masing-masing.

2.3 Pelajar hendaklah merancang perjalanan masing-masing bagi memastikan urusan pengambilan kunci dibuat mengikut tarikh dan waktu yang telah ditetapkan.

3.0 HAL-HAL LAIN

3.1 Sebarang pindaan terhadap notis ini adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada pihak kolej kediaman berkaitan atau Unit Residen, UTM seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(YULIE NURAFNIE BINTI ABD MAJID)

Ketua Unit Residen

Seksyen Perkhidmatan

Bahagian Pengurusan Aset

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

UTM Johor Bahru

MAKLUMAT KOLEJ KEDIAMAN UNTUK DIHUBUNGI

Kolej Kediaman	E-mel	Nombor Telefon
Kolej Rahman Putra (KRP)	krp@utm.my	07-5333242
Kolej Tun Fatimah (KTF)	ktf@utm.my	07-5333255
Kolej Tun Razak (KTR)	ktr@utm.my	07-5333542
Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)	ktho@utm.my	07-5333064
Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI)	ktdi@utm.my	07-5333951
Kolej Tuanku Canselor (KTC)	ktc@utm.my	07-5333050
Kolej Perdana (KP)	pejabatkolejperdana@utm.my	07-5333609
Kolej 9&10 (K9&10)	kolej910@utm.my	07-5333049
Kolej Datin Seri Endon (KDSE)	kdse@utm.my	07-5333052
Kolej Dato' Onn Jaafar (KDOJ)	kdoj@utm.my	07-5333048